



## PERSONAL DATA AND INFORMATION NOTICE

### ***NOTIS DATA DAN MAKLUMAT PERIBADI***

This Personal Data Protection Notice (“Notice”) is issued pursuant to the Personal Data Protection Act 2010 (“Act”) for the parties set out therein.

*Notis Perlindungan Data Peribadi ini (“Notis”) dikeluarkan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”) bagi pihak-pihak yang dinyatakan di dalamnya.*

#### **Background**

##### **Latar Belakang**

This Notice is issued by **MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING HOLDINGS BERHAD**, its subsidiaries, affiliates and controlled companies (“**MHB**”, “**MHB Group**”, “**we**”, “**our**”, “**us**”) as we are committed in protecting and respecting your privacy. This Notice is applicable to all prospective employees. This Notice outlines what personal data we collect about our prospective employees (including during pre-employment), when, why and how MHB Group collects, uses, maintain, process, discloses, handle and safeguards your personal data in accordance with the Act. You will find more details in the Frequently Asked Questions (“FAQ”) attached to this Notice.

*Notis ini dikeluarkan oleh **MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING HOLDINGS BERHAD**, syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan terkawal (“**MHB**”, “**Kumpulan Syarikat MHB**”, “**kami**”) kerana kami komited dalam melindungi dan mengawal privasi anda. Notis ini boleh digunakan untuk semua bakal pekerja. Notis ini menggariskan data peribadi yang kami kumpul tentang bakal pekerja kami (termasuk proses pra-pekerjaan), bila, mengapa dan bagaimana kumpulan MHB mengumpul, menggunakan dan bagaimana kumpulan MHB mengumpul, menggunakan, menyelenggara, memproses, mendedahkan, mengendalikan dan melindungi data peribadi anda menurut Akta. Anda boleh mendapatkan lebih banyak butiran dalam Soalan Lazim (“FAQ”) yang dilampirkan pada Notis ini.*

For the avoidance of doubt, all prospective employees shall be collectively referred to as “you”. Please note that MHB Group reserves the right to make any variations and/or modification to this Notice at any time. Any variations and/or modification to this Notice shall be communicated through modes of communications deemed suitable by the MHB Group.

*Untuk mengelakkan keraguan, semua bakal pekerja secara kolektif dirujuk sebagai “anda”. Sila ambil perhatian bahawa kumpulan MHB berhak untuk membuat perubahan dan/atau pengubahsuaian kepada Notis ini pada bila-bila masa. Sebarang variasi dan/atau pengubahsuaian pada Notis ini akan disampaikan melalui cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh kumpulan MHB.*

Our Corporate Privacy Policy is available at MHB Portal. MHB is required under the data protection laws to notify you of the information contained in this Notice.



Dasar Privasi Korporat kami boleh didapati di Portal MHB. MHB dikehendaki di bawah undang-undang perlindungan data untuk memberitahu anda mengenai maklumat yang terkandung dalam Notis ini.

Please read the Notice and FAQ carefully to understand our views and practices regarding your personal data and how we will treat it.

Sila baca Notis dan FAQ dengan teliti untuk memahami pandangan dan amalan kami mengenai data peribadi anda dan bagaimana kami akan perlakukannya.

## 1. Collection of Personal Data *Pengumpulan Data Peribadi*

MHB may collect, store, use and otherwise process (each independently or in combination generally refers to as “process”) certain individually identifiable data about you prior to and during the course of your employment and subsequent to such employment (“**Personal Data**”) to the extent that is necessary and permitted by the applicable law, namely your:

*MHB boleh mengumpul, menyimpan, menggunakan dan juga memproses (setiap satu secara berasingan atau gabungan yang secara amnya dirujuk sebagai “proses”) data tertentu yang boleh dikenal pasti secara individu tentang anda sebelum, semasa dan selepas tempoh pekerjaan anda tersebut (“Data Peribadi”) setakat yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai, iaitu:*

- |  |   |  |
|--|---|--|
| ✓ Name and address<br><i>Nama dan alamat</i>   | ✓ contracting authorisation levels<br><i>tahap kebenaran berkontrak</i>               | ✓ development plans and needs<br><i>rancangan dan keperluan pembangunan</i>  |
| ✓ work and personal contact information (mobile included)<br><i>maklumat perhubungan di tempat kerja atau peribadi (termasuk no. telefon bimbit)</i> | ✓ online training registration date<br><i>tarikh pendaftaran latihan dalam talian</i> | ✓ education history<br><i>sejarah pendidikan</i>   |
| ✓ gender<br><i>jantina</i>   | ✓ account information<br><i>maklumat akaun</i>  | ✓ employment history<br><i>sejarah pekerjaan</i>   |
| ✓ citizenship<br><i>kewarganegaraan</i>  | ✓ equity compensation information<br><i>maklumat pampasan ekuiti</i>                  | ✓ language skills and other characteristics skills<br><i>kemahiran bahasa dan kemahiran khas yang lain</i>   |
| ✓ date of birth and marital status<br><i>tarikh lahir dan status perkahwinan</i>   | ✓ background check information<br><i>maklumat semakan latar belakang</i>              | ✓ other professional experience, formal training and certifications<br><i>pengalaman profesional, latihan formal dan pensijilan lain</i>                                     |
| ✓ copy of NRIC, passport or driving license<br><i>salinan kad pengenalan, pasport dan lesen memandu</i>  | ✓ retention and placement information<br><i>maklumat pengekalan dan penempatan</i>    | ✓ executed documents in connection with your employment, interview assessment forms<br><i>dokumen pelaksanaan berkaitan dengan pekerjaan anda, borang penilaian temuduga</i> |



- ✓ division, department  
*bahagian, jabatan*
- ✓ hire date  
*tarikh diambil bekerja*
- ✓ position information  
*maklumat jawatan*
- ✓ compensation information  
*maklumat pampasan*
- ✓ photo  
*gambar*
- ✓ login information and email address for MHB applications  
*maklumat log masuk dan alamat e-mel untuk kegunaan MHB*
- ✓ career plan and performance information  
*maklumat rancangan kerjaya dan prestasi*
- ✓ employing entity  
*entiti yang menggaji*
- ✓ cost center  
*pusat kos*
- ✓ immigration documents  
*dokumen imigresen*

MHB may also collect and process certain information regarding your spouse, family members or other dependents for emergency contact, benefits and insurances administration purposes.

*MHB boleh mengumpul dan memproses maklumat tertentu berhubung dengan pasangan, ahli keluarga atau tanggungan anda yang lain untuk tujuan pentadbiran perhubungan kecemasan, manfaat dan insurans.*

In addition to the Personal Data listed above, MHB may also process limited **Sensitive Personal Data** about:

*Selain Data Peribadi yang disenaraikan di atas, MHB juga boleh memproses **Data Peribadi Sensitif** yang terhad tentang:*

- (i) physical and/or medical health including results or reports of any check up, screening and/or tests  
*kesihatan fizikal dan/atau perubatan termasuk keputusan atau laporan bagi apa-apa pemeriksaan, penyaringan dan/atau ujian*
- (ii) racial or ethnic origin  
*bangsa atau keturunan etnik*
- (iii) information in relation to criminal convictions (processed as part of the application process)  
*maklumat berhubung dengan sabitan jenayah (diproses sebagai sebahagian daripada proses permohonan)*
- (iv) information about religious beliefs  
*maklumat tentang kepercayaan agama*
- (v) political opinion  
*pendapat politik*
- (vi) trade union membership  
*keahlian kesatuan sekerja*
- (vii) genetic and/or biometric information
- (viii) *maklumat genetik dan/atau biometrik*



Unless and otherwise expressly stated, the definition of “Personal Data” under this Notice would include reference to Sensitive Personal Data. Further to that, MHB may collect and process Personal Data both internally and externally from several sources, including public records, former employers, referees and educational institutions. MHB will not collect, use or process any Personal Data that is prohibited by applicable law. MHB acts as the data user or data controller with respect to the Personal Data described above.

*Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata, Data Peribadi untuk tujuan Notis ini termasuk rujukan terhadap Data Peribadi Sensitif. MHB boleh mengumpul dan memproses Data Peribadi secara dalaman atau luaran daripada beberapa sumber, termasuk rekod awam, bekas majikan, referi dan institusi pendidikan. MHB tidak akan mengumpul, menggunakan atau memproses apa-apa Data Peribadi yang dilarang oleh undang-undang terpakai. MHB bertindak sebagai pengguna data / pengawal data bagi Data Peribadi yang diterangkan di atas.*

You may contact any of the Human Resource Department Business Partner (“HRBP”) or any officer from the Compliance department for information regarding data protection or kindly refer to the Compliance and Ethics Portal in relation to the Corporate Privacy Policy and this Notice.

*Anda boleh menghubungi kakitangan Rakan Niaga Jabatan Sumber Manusia (“HRBP”) atau mana-mana pegawai dari jabatan Pematuhan untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan perlindungan data atau merujuk Portal Pematuhan dan Etika berhubung dengan Dasar Privasi Korporat dan Notis ini.*

## 2. Processing of Personal Data

### *Pemrosesan Data Peribadi*

MHB stores and otherwise processes Personal Data for the following purposes:

*MHB menyimpan dan hanya memproses Data Peribadi untuk tujuan yang berikut:*

Human resources and administration management, MHB’s business activities, legal compliance, audits, checks, assessments and analysis, legal proceedings and all other matters relating to your employment with MHB as MHB considers to be necessary including:

*Pengurusan sumber manusia dan pentadbiran, aktiviti perniagaan MHB, pematuhan undang-undang, audit, semakan, penilaian dan analisis, prosiding undang-undang dan semua perkara lain yang berkaitan pekerjaan anda dengan MHB apabila MHB menganggapnya perlu, termasuklah:*

<ul style="list-style-type: none"><li>✓ recruitment and hiring process (pre-employment verifications, referees, prospective employees’ background) <i>proses perekrutan dan pengambilan pekerja (pengesahan prapekerjaan, referi, latar belakang bakal pekerja)</i></li><li>✓ compensation administration <i>pentadbiran pampasan</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ disclosure to any potential clients, partners or as part of the MHB’s business <i>penzahiran/pendedahan kepada mana-mana pelanggan, rakan kongsi berpotensi atau sebagai sebahagian daripada perniagaan MHB</i></li></ul>
---	---

<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ financial planning <i>perancangan kewangan</i></li> <li>✓ compensation, payroll and bonus analysis <i>analisis pampasan, gaji dan bonus</i></li> <li>✓ administration; monitoring and enforcing compliance with MHB policies and procedures <i>pentadbiran; pemantauan dan penguatkuasaan pematuhan dasar dan prosedur MHB</i></li> <li>✓ work performance and work assignment <i>prestasi kerja dan tugas kerja</i></li> <li>✓ travel, mobility and secondment duties (geographical and/or within the Group) <i>tugas perjalanan, mobiliti dan peminjaman (secara geografi dan/atau dalam Kumpulan)</i></li> <li>✓ organisational and workforce administration and planning <i>pentadbiran dan perancangan organisasi dan tenaga kerja</i></li> <li>✓ training and associate development <i>latihan dan pembangunan pekerja</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ due diligence, assessments, risk assessments, statistical analysis <i>usaha wajar, penilaian, penilaian risiko, analisis statistik</i></li> <li>✓ financial, credit and security checks <i>semakan kewangan, kredit dan keselamatan</i></li> <li>✓ management; complying with law enforcement or government authority requests <i>pengurusan; mematuhi permintaan penguatkuasaan undang-undang atau pihak berkuasa kerajaan</i></li> <li>✓ adoption of disciplinary measures <i>penerimgunaan langkah disiplin</i></li> <li>✓ in connection with litigation, internal investigations and similar matters or proceedings to the extent authorised by applicable law <i>berhubung dengan litigasi, penyiasatan dalaman dan perkara atau prosiding yang serupa, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai</i></li> <li>✓ career development and training <i>pembangunan dan latihan kerjaya</i></li> <li>✓ succession planning <i>perancangan penggantian</i></li> </ul>
--	--

MHB may monitor your use of MHB IT equipment (including emails sent over the network or from an MHB device, as well as your use of the internet on the MHB network or on a MHB device) for the purposes of ensuring your compliance with MHB IT policies and procedures in effect from time-to-time.

*MHB boleh membuat pemantauan apabila anda menggunakan kelengkapan IT MHB (termasuk e-mel yang dihantar melalui rangkaian atau daripada peranti MHB serta penggunaan internet melalui rangkaian MHB atau peranti MHB) untuk tujuan memastikan pematuhan anda terhadap dasar dan prosedur IT MHB yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.*

MHB will not use your Personal Data for direct marketing purposes.

*MHB tidak akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung.*

MHB may keep your Personal Data for a reasonable period of time after you cease to be employed by us in accordance with legal requirements.



*MHB boleh menyimpan Data Peribadi anda bagi tempoh yang munasabah selepas anda tidak lagi bekerja dengan kami selaras dengan keperluan undang-undang.*

### **3. MHB's commitments when disclosing Personal Data**

#### ***Komitmen MHB apabila menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi***

As part of normal business operations, MHB may disclose your Personal Data to:

*Sebagai sebahagian daripada operasi perniagaan biasa, MHB boleh menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi anda kepada:*

1. third party service providers in connection with human resources and payroll-related tasks, travel and accommodation for business and training purposes;

*penyedia perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan sumber manusia dan tugas berkaitan gaji, perjalanan dan penginapan untuk tujuan perniagaan dan latihan;*

1. third party service providers in connection with information technology support and human resources support;

2. *penyedia perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan sokongan IT dan sokongan sumber manusia;*

3. third party including and not limited to clients or potential clients, partners or potential partners, for the purposes described above; and

*pihak ketiga termasuk dan tidak terhad kepada pelanggan atau pelanggan berpotensi, rakan kongsi atau rakan kongsi berpotensi untuk tujuan yang diterangkan di atas; dan*

4. governmental agencies and regulators, social organisations, human resources benefits providers, courts and other tribunals and government authorities, or to the extent required by applicable legal obligations.

*agensi dan pengawal selia kerajaan, organisasi sosial, penyedia manfaat sumber manusia, mahkamah serta tribunal dan pihak berkuasa kerajaan yang lain atau setakat yang diperlukan oleh obligasi undang-undang terpakai.*

MHB will (i) exercise an appropriate due diligence in the selection of such third-party service providers and advisors, and (ii) require via appropriate contracts that such third-party service providers maintain adequate technical and organisational security measures to safeguard Personal Data, and process Personal Data only as instructed by MHB and for no other purposes.

*MHB akan (i) melaksanakan usaha wajar yang sesuai dalam pemilihan penyedia perkhidmatan dan penasihat pihak ketiga, dan (ii) menghendaki, melalui kontrak sewajarnya, penyedia perkhidmatan pihak ketiga tersebut mengambil langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang mencukupi untuk melindungi Data Peribadi dan memproses Data Peribadi hanya seperti yang diarahkan oleh MHB dan bukan untuk tujuan lain.*





MHB may from time to time transfer Personal Data to any of its subsidiaries or affiliated companies or any other entity directly or indirectly controlled by MHB and/or to its holding company and the subsidiaries, affiliated or controlled entities of said holding company (each and all being referred herein to as ‘the Group’), for the purposes described above.

*MHB boleh, dari semasa ke semasa, memindahkan Data Peribadi kepada mana-mana subsidiari atau syarikat sekutunya atau mana-mana entiti lain, secara langsung atau tidak langsung yang dikawal oleh MHB dan/atau kepada syarikat pegangan dan subsidiarinya, entiti bersekutu atau terkawal bagi syarikat pegangan tersebut (setiap satu dan seluruhnya dirujuk dalam notis ini sebagai “Kumpulan”) untuk tujuan yang diterangkan di atas.*

MHB may also from time to time transfer Personal Data from within the European Economic Area (“EEA”) to a country outside of the EEA, for the purpose described above. Such a transfer will be made with adequate level of data protection within the meaning of the General Data Protection Regulation (“GDPR”). Please refer to the FAQ attached for more information on this.

*MHB juga boleh, dari semasa ke semasa, memindahkan Data Peribadi dari dalam Kawasan Ekonomi Eropah (European Economic Area, “EEA”) kepada negara luar EEA untuk tujuan yang diterangkan di atas. Pemindahan tersebut akan dibuat dengan tahap perlindungan data yang mencukupi mengikut maksud Peraturan Perlindungan Data Am (General Data Protection Regulation, “GDPR”). Sila semak FAQ yang dilampirkan untuk maklumat lanjut tentang perkara ini.*

#### **4. Employee’s Rights in Relation to Personal Data<sup>1</sup>** ***Hak Pekerja Berhubung dengan Data Peribadi<sup>2</sup>***

MHB is hereby seeking for your consent to collect, use, store and process your Personal Data as said consent is required under applicable law.

*MHB dengan ini ingin mendapatkan kebenaran anda untuk mengumpul, menggunakan, menyimpan dan memproses Data Peribadi anda kerana kebenaran tersebut diperlukan di bawah undang-undang terpakai.*

In addition, MHB will only process Sensitive Personal Data where (i) you have given your explicit consent to the processing of your Sensitive Personal Data for specific purposes, or (ii) such processing is legally required by, or necessary for MHB or for you to exercise rights under, employment law.

*Selain itu, MHB hanya akan memproses Data Peribadi Sensitif apabila (i) anda memberikan kebenaran secara jelas untuk pemprosesan Data Peribadi Sensitif anda untuk tujuan tertentu,*

---

<sup>1</sup> **Note:** MHB makes a disclosure in Clause 26.15 of the CoBE in respect of monitoring of employee emails and internet usage conducted through MHB IT or communications systems and equipment, subject to the requirements of local laws and regulations.

<sup>2</sup> **Nota:** MHB membuat penzahiran/pendedahan dalam Fasal 26.15, CoBE bagi memantau e-mel dan penggunaan internet pekerja yang dilakukan melalui IT MHB atau sistem dan kelengkapan komunikasi, tertakluk pada keperluan undang-undang dan peraturan setempat.



*atau (ii) pemprosesan tersebut dikehendaki oleh undang-undang, atau perlu bagi MHB atau bagi anda untuk melaksanakan hak di bawah undang-undang pekerjaan.*

MHB will maintain Personal Data for as long as MHB is required to do so by applicable law(s), or for as long as necessary for the purpose(s) for which it was collected. MHB will delete Personal Data when it is no longer needed in accordance with applicable law. However, there are instances where we have the rights to process any of your Personal Data without your consent such as for our legitimate interests (or legitimate interests of a third party) or on the basis of other lawful grounds or legal claims.

*MHB akan menyimpan Data Peribadi selagi MHB dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang terpakai, atau selagi diperlukan mengikut tujuan data dikumpulkan. MHB akan menghapuskan Data Peribadi apabila data tersebut tidak lagi diperlukan menurut undang-undang terpakai. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan apabila kami berhak memproses apa-apa Data Peribadi anda tanpa kebenaran anda seperti, untuk kepentingan sah kami (atau kepentingan sah pihak ketiga) atau atas sebab undang-undang yang lain atau tuntutan undang-undang.*

Our legitimate interests may include (a) internal administrative purposes, (b) employee monitoring for safety or management purposes, (c) IT and network security, and (d) monitoring MHB's compliance with legal and regulatory requirements and internal policies.

*Kepentingan sah kami termasuklah (a) tujuan pentadbiran dalaman, (b) pemantauan pekerja untuk tujuan keselamatan atau pengurusan, (c) keselamatan IT dan rangkaian, dan (d) pemantauan pematuhan MHB terhadap keperluan undang-undang dan kawal selia serta dasar dalaman.*

#### 4.1 Withdrawal rights

*Hak untuk menarik balik kebenaran*

Where MHB rely on your consent for processing your Personal Data, you may withdraw your consent to this processing at any time, by writing to MHB Compliance Unit or directly to the Human Resource Department.

*Di mana MHB telah mendapat kebenaran anda untuk memproses Data Peribadi anda, anda boleh menarik balik kebenaran bagi pemprosesan ini pada bila-bila masa dengan menulis kepada Unit Pematuhan MHB atau terus ke Jabatan Sumber Manusia.*

Please note, however, that withdrawing your consent will not affect the lawfulness of any processing of your Personal Data that took place before you withdrew consent.

*Walaupun bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa menarik balik kebenaran tersebut tidak akan menjejaskan kesahan bagi mana-mana pemprosesan Data Peribadi anda yang telah dibuat sebelum anda menarik balik kebenaran tersebut.*

#### 4.2 Rectification rights

*Hak untuk membetulkan*

You are entitled to obtain access to or to request the rectification or deletion of Personal Data that MHB holds about you. You may also object, on grounds relating to your particular situation, to the collection and processing of your Personal Data, and, in certain





circumstances, you may request that MHB restricts the processing of your Personal Data. You have the right at any time to request a transfer of your Personal Data to you, or, if technically feasible, directly to a third party, to the extent such information was collected by automated means. If you would like to request access to, modification or deletion of, ask any questions about, object to, or request a restriction of the processing of your Personal Data, or discuss a transfer of your Personal Data, please contact your Human Resource department representative. Should you wish to make a complaint in relation to MHB processing of your data, you may contact your relevant data protection supervisory authority.

*Anda berhak untuk mendapatkan akses kepada atau membuat permohonan untuk membetulkan atau menghapuskan Data Peribadi anda yang disimpan oleh MHB. Anda juga boleh menolak, atas alasan yang berhubung dengan keadaan tertentu, pengumpulan dan pemprosesan Data Peribadi anda, dan dalam keadaan tertentu, anda boleh meminta supaya MHB menyekat pemprosesan Data Peribadi anda. Anda berhak pada bila-bila masa untuk memohon pemindahan Data Peribadi anda kepada anda atau jika boleh dilaksanakan secara teknikal, secara terus kepada pihak ketiga, setakat maklumat tersebut dikumpulkan secara automatik. Jika anda ingin memohon untuk mengakses, mengubah suai atau menghapuskan, mengajukan apa-apa soalan tentang, menolak, atau memohon sekatan terhadap pemprosesan Data Peribadi anda, atau membincangkan pemindahan Data Peribadi anda, sila hubungi wakil jabatan Sumber Manusia anda. Jika anda ingin membuat aduan berkaitan dengan pemprosesan data anda oleh MHB, anda boleh menghubungi pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data yang berkaitan.*

We reserve the right to update this Notice at any time, and we will provide you with a new Notice when we make any substantial updates. We may also notify you in other ways from time to time about the processing of your personal information.

*Kami berhak untuk mengemas kini Notis ini pada bila-bila masa, dan kami akan memberikan Notis baharu kepada anda apabila kami membuat apa-apa pengemaskinian penting. Kami juga akan memaklumkan anda tentang pemprosesan maklumat peribadi anda melalui cara lain dari semasa ke semasa.*



## **CORPORATE PRIVACY POLICY – Personal Data and Information Notice**

### **DASAR PRIVASI KORPORAT – Notis Data dan Maklumat Peribadi**

#### **Frequently Asked Questions (FAQs)**

##### **Soalan Lazim**

#### **1. To whom this Notice applies?**

##### ***Kepada siapakah Notis ini terpakai?***

This Notice applies to all employees, including permanent or on contract and all candidates for potential employment contract.

*Notis ini terpakai kepada semua pekerja termasuk pekerja tetap atau kontrak dan semua calon berpotensi untuk kontrak pekerjaan.*

#### **2. What is your obligation to your spouse, family members or other dependents, when you provide their Personal Data?**

##### ***Apakah obligasi anda kepada pasangan, ahli keluarga atau tanggungan anda yang lain apabila anda memberikan Data Peribadi mereka?***

It is your responsibility to inform such individuals about the processing of their Personal Data by MHB for the purposes and in the manner described in this Notice. You must also inform them about their rights of access, rectification and deletion in accordance with applicable law and must obtain their consent, where necessary, to the processing and transfer of their Personal Data as set out herein.

*Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan individu tersebut tentang pemprosesan Data Peribadi mereka oleh MHB untuk tujuan dan dengan cara yang diterangkan dalam Notis ini. Anda juga mestilah memaklumkan mereka tentang hak untuk mengakses, membetulkan dan menghapuskan Data Peribadi mereka menurut undang-undang terpakai dan mestilah mendapatkan kebenaran mereka, jika perlu, untuk memproses dan memindahkan Data Peribadi mereka seperti yang disediakan dalam notis ini.*



### 3. What are Personal Data?

#### *Apa itu Data Peribadi?*

Personal Data, or personal information, means any information about individual from which that person can be identified. It does not include data where the identity has been removed.

*Data Peribadi atau maklumat peribadi bermaksud apa-apa maklumat tentang individu yang melaluinya orang itu boleh dikenal pasti. Ia tidak termasuk data yang identitinya telah dihapuskan.*

### 4. MHB may also collect limited sensitive Personal Data. What are the Sensitive Personal Data and what is the purpose in providing these sensitive personal data?

#### *MHB juga boleh mengumpul Data Peribadi sensitif secara terhad. Apa itu Data Peribadi Sensitif dan apakah tujuan memberikan data peribadi sensitif ini?*

These are certain information which requires a higher level of protection, the Sensitive Personal Data which include:

*Data ini ialah maklumat tertentu yang memerlukan tahap perlindungan yang lebih tinggi. Data Peribadi Sensitif termasuklah:*

- (i) Information about your health including physical, mental and/or medical health (to record absences related to health conditions, to report to benefits providers, e.g. social security authorities or insurance companies, to make reasonable adjustments for associates with disabilities, for compliance with work visa requirements, for pre-employment physical examination approval and for any necessary tests during the course of your employment);

*Maklumat tentang kesihatan anda termasuk kesihatan fizikal, mental dan/atau perubatan (untuk merekodkan ketidakhadiran berhubung dengan keadaan kesihatan, untuk membuat laporan kepada penyedia manfaat, contohnya pihak berkuasa keselamatan sosial atau syarikat insurans, bagi membuat pelarasan yang munasabah untuk pekerja yang mengalami ketidakupayaan, bagi mematuhi keperluan visa kerja, bagi kelulusan pemeriksaan fizikal pekerjaan dan bagi apa-apa ujian yang perlu dalam tempoh pekerjaan anda);*

- (ii) Information about your race or ethnicity origin (as legally required by third party payroll providers);

*Maklumat tentang bangsa atau keturunan etnik anda (seperti yang dikehendaki menurut undang-undang oleh penyedia gaji pihak ketiga);*

- (iii) information in relation to criminal convictions (processed as part of the application process);

*maklumat berhubung dengan sabitan jenayah (diproses sebagai sebahagian daripada proses permohonan);*

- (iv) information about religious beliefs;



*maklumat tentang kepercayaan agama;*

- (v) political opinion;

*pendapat politik;*

- (vi) trade union membership;

*keahlian kesatuan sekerja;*

- (vii) genetic and/or biometric information.

*maklumat genetik dan/atau biometrik.*

Please refer to clause 4 of the Notice.

*Sila rujuk fasal 4 Notis ini.*

- 5. MHB may monitor employees use of MHB IT equipment (including emails sent over the network or from an MHB device, as well as your use of the internet on the MHB network or on a MHB device) for the purposes of ensuring your compliance with MHB IT policies and procedures. What are the MHB IT policies and procedures?**

***MHB boleh memantau pekerja yang menggunakan kelengkapan IT MHB (termasuk e-mel yang dihantar melalui rangkaian atau daripada peranti MHB serta penggunaan internet anda melalui rangkaian MHB atau peranti MHB) untuk tujuan memastikan pematuhan anda terhadap dasar dan prosedur IT MHB. Apakah dasar dan prosedur IT MHB?***

It includes MHB Information Security Policy, which sets out more detailed and comprehensive guidelines for the preservation of information security and the use of the systems, and any relevant social media policies.

*la termasuklah Dasar Keselamatan Maklumat MHB yang dinyatakan dengan lebih terperinci dan garis panduan yang lengkap bagi memelihara keselamatan maklumat dan penggunaan sistem serta apa-apa dasar media sosial yang berkaitan.*

- 6. How will we use your Personal Data?**

***Bagaimanakah kami akan menggunakan Data Peribadi anda?***

We will only use your Personal Data when the law allows us to. Most commonly, we will use your Personal Data in the following circumstances:

*Kami hanya akan menggunakan Data Peribadi anda apabila undang-undang membenarkan kami untuk berbuat demikian. Biasanya, kami akan menggunakan Data Peribadi anda dalam keadaan yang berikut:*

- (i) Where we need to perform the contract we have entered with you.

*Apabila kami perlu melaksanakan kontrak kami dengan anda.*



- (ii) Where we need to comply with a legal obligation.

*Apabila kami perlu mematuhi obligasi undang-undang.*

- (iii) Where it is necessary for your legitimate interests (or those of a third party) and your interests and fundamental rights do not override those interests.

*Apabila ia diperlukan untuk kepentingan anda yang sah (atau kepentingan pihak ketiga) dan kepentingan serta hak asasi anda tidak mengatasi kepentingan tersebut.*

We may also use your personal information in the following situation, where we need to protect your interests (or someone else's interest).

*Kami juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda dalam situasi yang berikut. Apabila kami perlu melindungi kepentingan anda (atau kepentingan orang lain).*

- (i) Where it is needed in the public interests or for official purposes.

*Apabila ia diperlukan untuk kepentingan awam atau tujuan rasmi.*

## **7. In what instances does MHB process my Personal Data for MHB's legitimate interests or on the basis of other lawful grounds?**

***Dalam keadaan apakah MHB akan memproses Data Peribadi saya untuk kepentingan MHB yang sah atau berdasarkan alasan undang-undang lain?***

Because we have established a relationship with you and need to process your Personal Data in order to provide you with the information and/or services you have requested or in relation to your employment, without having obtained your consent – this applies where our processing activities are governed by the applicable laws of certain jurisdictions in which we operate that do not require consent to have been obtained where there are other lawful grounds to process the relevant Personal Data.

*Oleh sebab kami telah mewujudkan hubungan dengan anda dan perlu memproses Data Peribadi anda supaya kami dapat memberikan maklumat dan/atau perkhidmatan yang anda minta atau berhubung dengan pekerjaan anda tanpa perlu mendapatkan kebenaran anda - ia digunakan apabila aktiviti pemprosesan kami dikawal oleh undang-undang terpakai bagi bidang kuasa tertentu di tempat kami beroperasi yang tidak memerlukan kebenaran kerana terdapat alasan undang-undang lain untuk memproses Data Peribadi yang berkaitan.*

We do not seek your consent in such cases largely so that we provide you with services in an efficient way (or where in some cases it might not be possible for us to seek your consent because we must process Personal Data, for example, for the detection of fraud). Before processing your Personal Data, we will consider your rights and freedoms and will only commence such processing where we do not think your rights will be infringed.

*Kami tidak mendapatkan kebenaran anda dalam kes tersebut supaya kami dapat memberikan perkhidmatan dengan cara yang efisien kepada anda (atau dalam sesetengah kes, adalah tidak mungkin untuk kami mendapatkan kebenaran anda kerana kami mesti memproses Data Peribadi, contohnya, untuk pengesanan fraud). Sebelum memproses Data Peribadi anda, kami akan mengambil kira hak dan kebebasan anda dan hanya akan*



*memulakan proses tersebut apabila kami berpendapat bahawa tiada pelanggaran hak anda dalam pemrosesan tersebut.*

If you fail to provide certain information when requested, we may not be able to perform the contract we have entered into with you (such as paying you or providing a benefit), or we may be prevented from complying with our legal obligations (such as to ensure the health and safety of our workers).

*Jika anda gagal memberikan maklumat tertentu apabila diminta, kami tidak boleh melaksanakan kontrak kami dengan anda (seperti membayar gaji anda atau menyediakan suatu manfaat ) atau kami mungkin terhalang daripada mematuhi obligasi undang-undang kami (seperti untuk memastikan kesihatan dan keselamatan pekerja kami).*

- 8. MHB may disclose employee Personal Data to Third-Party service providers in connection with human resources and payroll-related tasks. Who would these Third-Party service providers be?**

*MHB boleh menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi pekerja kepada penyedia perkhidmatan Pihak Ketiga yang berkaitan dengan sumber manusia dan tugas berkaitan gaji. Siapakah penyedia perkhidmatan Pihak Ketiga ini?*

Banks, insurance companies and other employee benefit providers.

*Bank, syarikat insurans dan penyedia manfaat pekerja yang lain.*

- 9. MHB may disclose employee Personal Data to Third-Party service providers in connection with information technology support and human resources support. Who would these Third-Party service providers be?**

*MHB boleh menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi pekerja kepada penyedia perkhidmatan Pihak Ketiga yang berkaitan dengan sokongan teknologi maklumat dan sokongan sumber manusia. Siapakah penyedia perkhidmatan Pihak Ketiga ini?*

Software maintenance and data hosting, compensation, benefits, human capital management consulting and business management consulting.

*Penyenggaraan perisian dan pengehosan data, pampasan, manfaat, rundingan pengurusan modal insan dan rundingan pengurusan perniagaan.*

- 10. MHB may disclose employee Personal Data to governmental agencies and regulators, social organisations, human resources benefits provider's, courts and other tribunals and government authorities, or to the extent required by applicable legal obligations. Who would these Third-Party service providers be for governmental agencies/ regulators and human resources providers?**

*MHB boleh menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi pekerja kepada agensi dan pengawal selia kerajaan, organisasi sosial, penyedia manfaat sumber manusia, mahkamah dan tribunal serta pihak berkuasa kerajaan yang lain atau setakat yang diperlukan oleh obligasi undang-undang terpakai. Siapakah penyedia perkhidmatan Pihak Ketiga bagi agensi/pengawal selia kerajaan dan penyedia sumber manusia?*

Tax authorities (IRB/LHDN), social organisations, Employees' Provident Fund (EPF/KWSP), social security administration (SOCSSO), health insurers, immigration department and enforcement bodies.





*Pihak berkuasa cukai (LHDN), organisasi sosial, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pentadbiran keselamatan sosial (PERKESO), syarikat insurans kesihatan, jabatan imigresen dan badan penguatkuasaan.*

**11. Are there any rights for the employees in accessing and control of Personal Data and Sensitive Personal Data?**

***Adakah pekerja mempunyai apa-apa hak untuk mengakses dan mengawal Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif?***

Employees have the right to request for access and to keep some control over the Personal Data and Sensitive Personal Data that MHB holds. Other Rights include:

*Pekerja berhak meminta akses dan mengekalkan sedikit kawalan terhadap Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang disimpan oleh MHB. Hak lain termasuklah:*

- i. Right to request confirmation whether MHB is processing your Personal Data and Sensitive Personal Data;

*Hak untuk memohon pengesahan sama ada MHB memproses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda atau tidak;*

- ii. Right to request copies of Personal Data and Sensitive Personal Data that are held by MHB;

*Hak untuk memohon salinan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang disimpan oleh MHB;*

- iii. Right to ask about the types of processing, purpose for processing, source of Personal Data and Sensitive Personal Data and any third parties to whom MHB shared the data with;

*Hak untuk bertanya tentang jenis pemprosesan, tujuan pemprosesan, sumber Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif serta mana-mana pihak ketiga yang berkongsi data tersebut dengan MHB;*

- iv. Right to ask how long the Personal Data and Sensitive Personal Data will be stored;

*Hak untuk bertanya tentang tempoh Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif akan disimpan;*

- v. Right to request for update and/or correction of Personal Data and Sensitive Personal Data;

*Hak untuk memohon pengemaskinian dan/atau pembetulan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif;*

- vi. Right to be informed of any automated decision-making, e.g. customer profiling; and



*Hak untuk dimaklumkan apa-apa keputusan yang dibuat secara automatik, contohnya pemprofilan pelanggan; dan*

- vii. Right to request to limit or restrict processing of Personal Data and Sensitive Personal Data.

*Hak untuk memohon bagi mengehadkan atau menyekat pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif.*

**12. Can MHB refuse to act upon the request by the employee?**

***Bolehkah MHB menolak untuk bertindak terhadap permintaan pekerja?***

MHB may refuse to act on request by the employee if such request is manifestly unfounded or excessive or where the request is frivolous or vexatious.

*MHB boleh menolak untuk bertindak terhadap permintaan pekerja jika permintaan tersebut jelas tidak berasas atau berlebihan atau apabila permintaan tersebut remeh atau menyusahkan.*

**13. What if I choose not to share my data with MHB?**

***Apakah akan berlaku jika saya memilih untuk tidak berkongsi data saya dengan MHB?***

One of the reasons for collecting and processing your data is to allow MHB to carry out its duties in line with your contract of employment. Inadequate data may result in MHB being unable to perform those duties such as confirming on the status of employment, promotion purposes, secondment duties or ensuring you are paid correctly.

*Salah satu sebab pengumpulan dan pemprosesan data anda adalah untuk membolehkan MHB menjalankan tugasnya selaras dengan kontrak pekerjaan anda. Data yang tidak mencukupi boleh menyebabkan MHB tidak boleh menjalankan tugas tersebut seperti mengesahkan status pekerjaan, tujuan kenaikan pangkat, tugas peminjaman atau memastikan anda dibayar dengan betul.*

**14. Who are the Data Protection Supervisory Authority in Malaysia?**

***Siapakah Pihak Berkuasa Penyeliaan Perlindungan Data di Malaysia?***

The Data Protection Supervisory Authority in Malaysia is Department of Personal Data Protection (“JPDP”).

*Pihak Berkuasa Penyeliaan Perlindungan Data di Malaysia adalah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (“JPDP”).*

For your information, the Data Protection Authority in other jurisdictions are as follows:

*Untuk maklumat anda, Pihak Berkuasa Perlindungan Data dalam bidang kuasa lain adalah seperti yang berikut:*

No No.	Country Negara	Data Protection Authority Pihak Berkuasa Perlindungan Data
1.	Japan <i>Jepun</i>	Personal Information Protection Commission (PPC) <i>Personal Information Protection Commission (PPC)</i>
2.	Philippines <i>Filipina</i>	National Privacy Commission (NPC) <i>National Privacy Commission (NPC)</i>
3.	Netherlands <i>Belanda</i>	Dutch Data Protection Authority (Dutch DPA) Dutch Data Protection Authority (Dutch DPA)
4.	United Kingdom (UK) <i>United Kingdom (UK)</i>	Information Commissioner's Office (ICO) <i>Information Commissioner's Office (ICO)</i>
5.	United States of America (USA) <i>Amerika Syarikat (AS)</i>	Federal Trade Commission (FTC) <i>Federal Trade Commission (FTC)</i>
6.	Brazil <i>Brazil</i>	National Data Protection Authority (ANPD) <i>National Data Protection Authority (ANPD)</i>
7.	Singapore <i>Singapura</i>	Personal Data Protection Commission <i>Personal Data Protection Commission</i>

**15. MHB may from time to time transfer any Personal Data from within the European Economic Area (“EEA”) to a country outside of the EEA subject to the General Data Protection Regulation (“GDPR”) for the purposes described above. What are transfers of Personal Data outside of the EEA?**

*MHB boleh, dari semasa ke semasa, memindahkan mana-mana Data Peribadi dari dalam Kawasan Ekonomi Eropah (European Economic Area, “EEA”) ke negara luar EEA tertakluk pada Peraturan Perlindungan Data Am (General Data Protection Regulation, “GDPR”) untuk tujuan yang diterangkan di atas. Apakah pemindahan Data Peribadi ke luar EEA?*

The GDPR prohibits the transfer of Personal Data from within the EEA to a country outside of the EEA that has not been recognised by the EU Commission as providing an adequate level of data protection within the meaning of the GDPR. Such transfer will be made subject to “appropriate safeguards” being in place to ensure the protection of your Personal Data (such as data transfer agreements based on the EU Commission standard contractual clauses for the transfer of data to third countries or other legal agreements between public authorities or bodies, binding corporate rules).

*GDPR melarang pemindahan Data Peribadi dari dalam EEA ke negara luar EEA yang tidak diiktiraf oleh Suruhanjaya EU sebagai mengikut tahap perlindungan data yang mencukupi mengikut maksud GDPR. Pemindahan tersebut akan dibuat tertakluk pada “perlindungan sewajarnya” (“appropriate safeguards”) yang disediakan untuk memastikan perlindungan Data Peribadi anda (seperti perjanjian pemindahan data berdasarkan fasal kontraktual standard Suruhanjaya EU bagi pemindahan data kepada negara ketiga atau*



*perjanjian undang-undang lain antara pihak berkuasa awam atau badan awam, peraturan korporat yang mengikat).*

In the absence of an adequacy decision and where appropriate safeguards are unavailable, transfers may take place on the basis of your consent. In such a situation, we will inform you of the possible risks associated with such a transfer. Alternatively, we may transfer your personal data where necessary (i) in connection with the performance of your employment contract, (ii) for reasons of public interest, or (iii) in connection with a legal claim.

*Jika tiada keputusan yang mencukupi dan tidak terdapat perlindungan yang sewajarnya, pemindahan boleh dibuat berdasarkan kebenaran anda. Dalam situasi tersebut, kami akan memaklumkan kemungkinan risiko yang berkaitan dengan pemindahan tersebut kepada anda. Selain itu, kami boleh memindahkan Data Peribadi anda jika perlu (i) berkaitan dengan prestasi kontrak pekerjaan anda, (ii) atas alasan kepentingan awam, atau (iii) berkaitan dengan tuntutan undang-undang.*

## **16. How long will MHB use my Personal Data for?**

### ***Berapa lamakah MHB akan menggunakan Data Peribadi saya?***

To determine the appropriate retention period for Personal Data, we consider the amount, nature, and sensitivity of the Personal Data, the potential risk of harm from unauthorised use or disclosure of your Personal Data, the purposes for which we process your Personal Data and whether we can achieve those purposes through other means and the applicable legal requirements.

*Untuk menentukan tempoh penyimpanan sewajarnya bagi Data Peribadi, kami mengambil kira jumlah, ciri dan kesensitifan Data Peribadi, potensi risiko bahaya daripada penggunaan atau penzahiran/pendedahan Data Peribadi anda yang tidak dibenarkan, tujuan kami memproses Data Peribadi anda dan sama ada kami boleh mencapai tujuan tersebut melalui cara lain serta keperluan undang-undang terpakai.*

## **17. What happens to my Personal Data if I were to leave the company?**

### ***Apakah yang akan berlaku kepada Data Peribadi saya jika saya meninggalkan syarikat?***

We will retain your personal information for as long as necessary to fulfil the purposes we collected it for, including for the purposes of satisfying any legal, accounting, or reporting requirements. MHB will delete personal data when it is no longer needed in accordance with applicable law.

*Kami akan menyimpan maklumat peribadi anda selama yang perlu untuk memenuhi tujuan kami mengumpulkannya termasuk untuk tujuan memenuhi keperluan undang-undang, perakaunan atau pelaporan. MHB akan menghapuskan Data Peribadi apabila ia tidak lagi diperlukan menurut undang-undang terpakai.*

